

14 JUL 2004

AZIZAN-BELASUNGKAWA

AZIZAN, PENDIAM DAN RENDAH DIRI MESKIPUN BERJAWATAN PENTING

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Tan Sri Azizan Zainul Abidin, 69, yang meninggal dunia di sini hari ini, sentiasa dikenali sebagai seorang yang pendiam dan merendah diri meskipun menjawat kedudukan penting dalam sektor awam dan swasta.

Azizan yang pelembut orangnya juga sentiasa menonjolkan ketokohnya semasa memimpin pelbagai perbadanan dan entiti awam yang terkemuka.

Selepas bersara daripada perkhidmatan kerajaan pada 1988 ketika menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Allahyarham beralih ke sektor swasta apabila menyertai Petronas sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif pada tahun yang sama. Ketika itu syarikat minyak negara sedang mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat minyak dan gas utama di dunia.

Allahyarham juga merupakan pengerusi Malaysia Airlines, Perbadanan Putrajaya dan KLCC Holdings (M) Sdn Bhd.

Selain itu, Allahyarham memegang beberapa tugas pengerusi dalam Petronas Carigali Sdn Bhd, MTBE Malaysia Sdn Bhd, Petronas Dagangan Bhd, Malaysia LNG Sdn Bhd dan KLCC Suria Sdn Bhd.

Azizan sentiasa mengambil berat tentang entiti yang beliau terajui. Allahyarham khususnya amat berbangga dengan Menara Kembar Petronas dan Suria KLCC, yang menjadi mercu tanda dunia dan syurga untuk membeli belah.

Pernah satu ketika Allahyarham menyatakan rasa gembiranya setelah banyak rakyat Malaysia menunjukkan sikap menjaga kebersihan semasa berada di Menara Kembar Petronas dan kawasan sekitarnya, yang mencerminkan kebanggaan mereka terhadap bangunan yang menjadi mercu tanda dunia itu.

Azizan juga memainkan peranan penting dalam membangunkan Putrajaya, pusat pentadbiran persekutuan yang kini menjadi satu lagi kebanggaan rakyat Malaysia.

Allahyarham bekerja dengan tidak mengenal penat bagi memulihkan pendapatan Malaysia Airlines pada dua tahun lepas dengan kapasiti

sebagai  
pengerusi syarikat penerbangan negara selepas diambil alih oleh  
kerajaan.

Malaysia Airlines menghadapi masalah kewangan semasa ia dalam  
pemilikan  
persendirian pada lewat 1990an.

Satu daripada majlis penting terakhir yang dihadirinya ialah  
pengumuman  
pendapatan tertinggi Petronas bagi tahun kewangan yang berakhir pada  
31  
Mac, 2003, dua minggu lepas. Allahyarham mengunjurkan syarikat  
minyak  
nasional itu akan terus mencatatkan prestasi memberangsangkan tahun  
ini.

Azizan juga menghadiri perasmian terowong angin bernilai RM207  
juta  
bagi ujian aerodinamik untuk kereta Formula One Sauber-Petronas  
dengan  
ketua pasukan, Peter Sauber di Hinwil luar Zurich Disember lepas.

Allahyarham melahirkan harapan agar pasukan Sauber-Petronas  
mencapai  
prestasi yang lebih baik tahun ini dengan adanya aerodinamik yang  
dipertingkatkan itu.

Sauber-Petronas kini di tempat keenam dalam kejohanan Formula  
One  
bahagian pengeluar dengan 18 mata selepas 11 perlumbaan, satu  
prestasi yang  
bertambah baik berbanding tahun lepas.

Antara anugerah yang diterimanya termasuk Order of the Commander  
of the  
Legion of Honour daripada Kerajaan Perancis pada Oktober 2003.

Allahyarham juga mendapat anugerah Norway bagi "sumbangan  
cemerlang  
terhadap kualiti" dalam kategori pengurusan pada 1992 dan Friendship  
Medal  
oleh kerajaan Vietnam pada September 2001.

Dilahirkan pada 28 Mei, 1935 di Ayer Itam, Pulau Pinang,  
Allahyarham  
mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kg Baru sebelum memasuki  
Penang  
Free School. Kemudiannya mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera dari  
Universiti Malaya pada 1959 selain menjalani kursus mengenai  
pembangunan  
dan pentadbiran di Oxford University serta Royal College of Defence  
di  
United Kingdom.

Allahyarham juga memiliki Doktor Kehormat Ekonomi dari  
Universiti Sains  
Malaysia.

Azizan memulakan kerjayanya dengan Kementerian Pelajaran pada  
1960  
sebelum dilantik sebagai Setiausaha kepada Majlis Operasi Kebangsaan

pada  
1969, berkhidmat atas kapasiti sebagai setiausaha sulit kepada  
Perdana

Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein pada 1976.

Kemudiannya Allahyarham dilantik sebagai Ketua Setiausaha  
Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian pada 1984.

Allahyarham menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri  
pada 1985

semasa bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad juga memegang  
jawatan

Menteri Dalam Negeri.

Azizan bersara daripada perkhidmatan kerajaan pada 1988 dan  
menyertai

Petronas di peringkat tertinggi.

Allahyarham juga pernah menjadi Pro-Canselor Universiti  
Teknologi

Malaysia dan anggota Forum Ekonomi Dunia di mana Kuala Lumpur  
menjadi tuan

rumah pada 2002.

Allahyarham juga merupakan pengerusi bahagian Asean Majlis  
Perniagaan

Asean-Kanada, Bendahari Yayasan Pencegahan Jenayah dan Anggota  
Suruhanjaya

Penambahbaikan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Puan Sri Noor Ainee Che  
Teh,

dan tiga orang anak -- Amir Hamzah, 37, Datin Norizan, 34, dan  
Ikhwan 25.

-- BERNAMA

MR SHY NHD